



Pusat Pemberi Maklumat Kebangsaan (National Whistleblower Center), bertempat di Washington, D.C., adalah sebuah badan bukan kerajaan terkemuka dalam bidang undang-undang pemberi maklumat. Kami telah beroperasi selama lebih daripada 30 tahun untuk melindungi dan memberi insentif kepada pemberi maklumat.

### **Apakah Pemberi Maklumat?**

Pemberi maklumat adalah individu yang melaporkan pemberian rasuah, sogokan kepada pegawai-pegawai negara kerajaan, jenayah hidupan liar, atau pelanggaran undang-undang lain kepada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan, selalunya pada risiko peribadi masing-masing. Di bawah undang-undang tertentu, badan bukan kerajaan juga dianggap sebagai "pemberi maklumat."



### **Pemberi Maklumat merupakan satu Kuasa yang Kuat dalam Memerangi Penyeludupan Hidupan Liar!**

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, sudah terdapat peningkatan yang ketara dalam jenayah hidupan liar, mengancam keselamatan dan kestabilan banyak negara.

Penyeludupan hidupan liar merupakan satu industri antarabangsa bernilai berbilion dolar, dengan bilangan penangkapan dan pendakwaan yang rendah.

Memberi insentif kepada pemberi maklumat, sesiapa sahaja yang mempunyai maklumat yang belum diumumkan kepada orang ramai, akan merevolusikan pengesanan jenayah hidupan liar, meningkatkan penguatkuasaan undang-undang dan pematuhan diri, dan membalikkan krisis kepupusan.

### **Melaporkan Bukti Jenayah Hidupan Liar**

Anda boleh mempertimbangkan untuk mendedahkan kegiatan jenayah hidupan liar jika anda mempunyai pengetahuan langsung tentang salah laku dan dokumen yang mengesahkan aktiviti haram. Mengumpul dan mengurus bukti jenayah hidupan liar yang anda perhatikan adalah kritikal. Agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang lebih berkemungkinan untuk menyiasat maklumat apabila mereka disokong oleh bukti kukuh:



- Gambar
- E-mel
- Kad Nama
- Laporan Saintifik
- Rekod Pembilan
- Data Belanjawan dan Kewangan
- Laporan Dalaman
- Nota Mesyuarat
- Rakaman Video & Suara
- Hasil Ujian Saintifik
- Laluan Transit & Kaedah Pengangkutan
- Maklumat Akaun Bank
- Bukti Rasuah dan Pengubahan Wang Haram

Individu yang mempunyai maklumat berkenaan dengan pelanggaran undang-undang perlindungan hidupan liar di MANA-MANA negara amat dinasihatkan untuk mendapatkan khidmat guaman untuk memastikan maklumat mereka dikendalikan dengan selamat.

### **Ganjaran bagi Pemberi Maklumat**

Pemberi maklumat antarabangsa telah menerima lebih daripada \$30 juta bagi melaporkan pemberian rasuah kepada pegawai-pegawai asing di bawah undang-undang ganjaran A.S.

Kerajaan A.S. telah membayar lebih daripada \$31.8 juta kepada pemberi-pemberi maklumat bukan A.S. yang melaporkan pencemaran laut di laut lepas.

Program Pemberi Maklumat Hidupan Liar Antarabangsa (Global Wildlife Whistleblower Program) NWC menggunakan peruntukan pemberi maklumat dalam undang-undang seperti Akta Lacey, Akta Amalan Rasuah Asing dan Akta Tuntutan Palsu untuk memberi insentif kepada orang dalam untuk melaporkan penyeludupan dan jenayah-jenayah hidupan liar lain.

### **Ganjaran dan Perlindungan untuk Pemberi Maklumat**

Terdapat undang-undang A.S. kuat di peringkat antarabangsa, yang direka untuk melawan jenayah hidupan liar yang mengandungi peruntukan-peruntukan ganjaran pemberi maklumat mantap.

Undang-undang ganjaran ini menyokong pemberi-pemberi maklumat di seluruh dunia yang mendedahkan pelanggaran undang-undang hidupan liar utama yang melindungi haiwan, ikan, tumbuh-tumbuhan dan spesies terancam daripada penuaian, pengedaran dan pengimportan haram sama ada ke Amerika Syarikat, atau oleh orang A.S. atau syarikat-syarikat yang berkaitan A.S.

Program Pemberi Maklumat Hidupan Liar Antarabangsa (Global Wildlife Whistleblower Program) NWC menyediakan satu platform dalam talian yang selamat dan benar-benar sulit di mana individu-individu di seluruh dunia boleh melaporkan jenayah hidupan liar, dan kemudian menghubungkan pemberi maklumat kepada kuasa wakil yang boleh membantu mengemukakan laporan mereka kepada pihak berkuasa Amerika Syarikat dan memohon ganjaran di bawah undang-undang A.S. yang sesuai.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Program ini, dan bagaimana anda boleh mengemukakan laporan dan berhubung dengan kuasa wakil melalui Perkhidmatan Rujukan Kuasa Wakil Hidupan Liar (Wildlife Attorney Referral Service, ARS) NWC, sila layari: [www.whistleblowers.org/wildlife](http://www.whistleblowers.org/wildlife).

*Program Pemberi Maklumat Hidupan Liar Antarabangsa (Global Wildlife Whistleblower Program) NWC telah memenangi Hadiah Utama dalam 2016 Wildlife Crime Tech Challenge, satu inisiatif USAID dalam kerjasama dengan Masyarakat Geografi Negara (Persatuan National Geographic), Institusi Smithsonian, dan TRAFFIC. Program ini juga menerima peruntukan geran yang besar daripada The Wildcat Foundation.*